

1249/1  
Sejarah  
November  
Kertas 1  
1 jam



## SMK PUTRAJAYA PRESINT 18(1)

JALAN P18, PRESINT 18

---

### PERCUBAAN SPM 2022

#### SEJARAH KERTAS 1

Satu Jam

---

#### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **40 soalan**.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu jawapan** sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan **OMR** yang disediakan.
4. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.

Disediakan oleh :

.....  
(NORAI DAH BINTI MISPARI)  
GKMP Kemanusiaan  
SMK Putrajaya Presint 18(1)

Disemak oleh:

.....  
(NUR ATIKAH BINTI ISMAIL)  
Ketua Panitia Sejarah  
SMK Putrajaya Presint 18(1)

Disahkan oleh:

.....  
(SHARIFAH ZUKHAIREEN BINTI  
SYED ZULFLIDA)  
PK Pentadbiran  
SMK Putrajaya Presint 18(1)

1. Maklumat berikut berkaitan dengan sistem kewangan Kesultanan Melayu Melaka.

Sumber Pendapatan
<ul style="list-style-type: none"><li>• Perdagangan</li><li>• Cukai</li><li>• Ufti</li></ul>

Siapakah yang bertanggungjawab untuk menguruskan sumber pendapatan tersebut?

- A Bendahara
  - B Syahbandar
  - C Penghulu Bendahari
  - D Temenggung
2. Tulah dipercayai kecelakaan yang boleh menimpa seseorang rakyat. Mengapakah seseorang itu boleh ditimpa *tulah*?
- A Menipu dalam perdagangan
  - B Membunuh rakyat raja
  - C Melakukan perbuatan zina
  - D Menderhaka kepada raja
3. Senarai berikut merupakan tokoh Gerakan nasionalisme di negara kita pada awal abad ke-20.

Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin Haji Abbas Mohd Taha Syed Sheikh al-Hadi
---

Apakah yang boleh dikaitkan dengan tokoh-tokoh tersebut?

- A Pejuang berhaluan kiri
- B Penulis karya kreatif
- C Perintis Gerakan Islah
- D Pengasas pengajian pondok

4. Maklumat berikut menunjukkan tuntutan yang diminta oleh Kesatuan Melayu Singapura.

Persatuan	Tuntutan
Kesatuan Melayu Singapura (KMS)	Kebajikan dan pendidikan orang Melayu

Apakah tindakan British untuk memenuhi tuntutan tersebut?

- A Mewujudkan lebih banyak pusat pendidikan  
 B Menambah penglibatan orang Melayu dalam perkhidmatan awam  
 C Mengalakkan orang Melayu menubuhkan persatuan  
 D Menubuhkan syarikat yang diterajui oleh orang Melayu
5. Perang Dunia Pertama telah tercetus di Eropah pada tahun 1914 hingga tahun 1918. Mengapakah perang tersebut berlaku?
- A Kemunculan ideologi baharu  
 B Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa  
 C Ketidakpuasan hati Perjanjian Versailles  
 D Krisis pembunuhan Archduke Ferdinand
6. Bagi menangani kemelesetan ekonomi di Tanah Melayu, Jepun telah memperkenalkan
- I Jawatankuasa Penyelidikan Bahan  
 II Rancangan Pengeluaran Lima Tahun  
 III Institut Latihan Pemimpin-pemimpin Muda  
 IV Rancangan Kemakmuran Bersama Asia Timur
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
7. Jepun menyerang Tanah jajahan kuasa Barat di Asia dalam Perang Dunia Kedua. Apakah tindakan kuasa Barat untuk menghalang kemaraan Jepun?
- A Melakukan serangan bom atom  
 B Membebaskan tanah jajahan  
 C Mengisytiharkan ZOFPAN  
 D Membentuk pertubuhan serantau

8. Gambar berikut menunjukkan Charles Vyner Brooke yang menyerahkan Sarawak kepada British pada 1 Julai 1946.



Apakah faktor penyerahan tersebut?

- I. Kekangan kewangan
  - II. Kukuhkan pertahanan
  - III. Menggalakkan pelaburan
  - IV. Masalah pewarisan takhta
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
9. Mengapakah orang Melayu lebih menerima Persekutuan Tanah Melayu 1948 berbanding Malayan Union 1946.
- A Sultan ada kuasa mutlak
  - B Singapura telah diasingkan
  - C Hak istimewa diiktiraf
  - D Hak kerakyatan dilonggarkan
10. Bagaimanakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya dibentuk?
- A Tolak ansur antara kaum
  - B Keberanian parti radikal
  - C Penolakan Raja-raja Melayu
  - D Pembentukan parti Perikatan

11. Maklumat berikut merujuk kepada tindakan komunis di Tanah Melayu.

- Menyerang pasukan keselamatan
- Mensasarkan balai polis

Apakah tujuan komunis bertindak demikian?

- I Mencetuskan huru-hara
  - II Mempertahankan ideologi
  - III Melindungi penduduk tempatan
  - IV Melumpuhkan ekonomi
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

12. Gambar berikut merujuk kepada pasukan keselamatan yang ditubuhkan oleh British.



Pasukan Home Guard wanita

Apakah tugas pasukan tersebut?

- A Menjejak persembunyian pengganas
- B Mempertahan bandar dan kampung
- C Menyekat bekalan makanan
- D Membuat rondaan di pinggir hutan

13. Mengapakah Parti United Malays National Organization (UMNO) menentang penubuhan Malayan Union?

- A Memelihara status quo orang Melayu
- B Menentang kemasukan orang dagang
- C Menjayakan gagasan Melayu Raya
- D Membentuk kerajaan sendiri

14. Mengapakah Sistem ahli diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu?
- A Melaksanakan pilihan raya umum
  - B Menentukan syarat kewarganegaraan
  - C Melatih penduduk tempatan mentadbir
  - D Memantapkan perlembagaan persekutuan

15. Laporan pendidikan berikut diterbitkan pada tahun 1951.

Laporan Fern-Wu

Apakah tujuan penerbitan laporan di atas?

- I. Mengkaji pendidikan Cina
- II. Mencadangkan penambahbaikan sekolah Cina
- III. Menggubal kurikulum yang seragam
- IV. Memansuhkan sekolah vernakular

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16. Pernyataan berikut adalah syarat menjadi pengundi berdaftar dalam pilihanraya 1955.

- Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
- Berumur 21 tahun ke atas
- **X**

Apakah syarat bagi **X**?

- A Lahir di Persekutuan Tanah Melayu
- B Mengemukakan kertas penamaan calon
- C Tinggal di Persekutuan Tanah Melayu
- D Fasih bertutur dalam bahasa kebangsaan

17. Maklumat berikut merujuk kepada rundingan antara wakil Tanah Melayu dengan British.

Rundingan London
Dipengerusikan oleh Lord Lennox-Boyd Berlangsung daripada 12 Januari hingga 8 Februari 1956

Apakah keputusan yang dicapai dalam rundingan tersebut?


- A Pelaksanaan pilihan raya umum
- B Pemberian kemerdekaan tanah air
- C Pengekalan hak istimewa orang Melayu
- D Pelantikan jawatan Perdana Menteri

18. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani oleh Raja-Raja Melayu dan British pada 15 Ogos 1957.

Apakah kesan perjanjian tersebut?

- A Pengaruh golongan kiri dihapuskan
- B Pembentukan kerajaan republik
- C Pesuruhjaya Negeri dikekalkan
- D Perlaksanaan sistem demokrasi berparlimen

19. Rajah berikut berkaitan takrif merdeka mengikut Kamus Dewan.



Apakah X?

- A Autonomi
- B Berdaulat
- C Jati diri
- D Kesetiaan

20. Mengapakah lambang-lambang berikut di bentuk sebelum pengisytiharan kemerdekaan negara?



- A Lambang keagungan
- B Identiti kenegaraan
- C Simbol kegemilangan
- D Membuktikan kegigihan

21. Maklumat berikut menerangkan ciri negara yang berdaulat.

- Mempunyai pemerintahan
- Mempunyai sempadan
- Mempunyai perundangan
- Mempunyai rakyat

Apakah kepentingan ciri tersebut terhadap negara kita?

- A Mempunyai identiti tersendiri
- B Memperkuat pasukan tentera
- C Mengukuhkan kuasa pemerintah
- D Melindungi tradisi rakyat

22. Bagaimanakah rakyat boleh membantu negara dalam mewujudkan kemakmuran ekonomi?

- I. Memperuntukkan dana pelaburan
- II. Memberi kesetiaan
- III. Menyokong usaha kerajaan
- IV. Menghalang kemasukan buruh asing

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV




23. Apakah peranan Yang di- Pertuan Agong sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia?
- A Ketua kerajaan
  - B Pemerintah tertinggi
  - C Pemutus belanjawan negara
  - D Mengetuai delegasi ke negara luar
24. Apakah tujuan pindaan perlembagaan yang telah diusulkan di parlimen Malaysia pada tahun 1965?
- A Pemisahan Singapura
  - B Kuasa autonomi semua negeri
  - C Bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong
  - D Perlantikan Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Sabah
25. Bangunan berikut berkaitan institusi pemerintahan di negara kita.



Apakah peranan institusi tersebut?

- A Menegakkan keadilan
  - B Menggubal undang-undang
  - C Menentukan dasar kerajaan
  - D Melantik pemimpin negara
26. Apakah yang sepatutnya dilakukan oleh seseorang ahli Jemaah Menteri yang tidak bersetuju dasar kerajaan?
- A Mengusul undi tidak percaya
  - B Memohon pembubaran Parlimen
  - C Membawa perkara ke mahkamah
  - D Meletak jawatan sebagai Menteri

27. Rajah berikut berkaitan dengan kuasa kerajaan negeri.



Apakah X?

- A Kewangan
- B Pelajaran
- C Kerajaan Tempatan
- D Perubatan dan Kesihatan

28. Apakah matlamat pembinaan rumah yang dibuat di bawah projek berikut?

Program Perumahan Rakyat (PPR)  
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KPKT)

- A Perumahan kos rendah
- B Menyusun petempatan semula
- C Penggunaan bahan tempatan
- D Menghapuskan rumah setinggan

29. Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) dibentuk pada tahun 1961.

Apakah matlamat pembentukan jawatankuasa tersebut?

- A Menentang Malaysia
- B Mengadakan pilihan raya
- C Melicinkan pentadbiran
- D Mendapat pandangan

30.

Indonesia mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia pada 20 Januari 1963

Mengapakah tindakan tersebut diambil?

- A Menentang pembentukan Malaysia
- B Membantah tindakan terhadap komunis
- C Pembunuhan rakyatnya di Malaysia
- D Pertikaian sempadan antarabangsa

31. Apakah peristiwa yang boleh dikaitkan dengan dua orang tokoh berikut?



Tan Sri Abdul  
Rahman Hassim  
(Ketua Polis  
Negara Ketiga)



Tan Sri Koo  
Chong Kong  
(Ketua Polis  
Perak)

- A Dilantik Ahli Majlis MAGERAN
- B Mangsa kekejaman komunis
- C Terlibat dalam rundingan Baling
- D Merangka Kerjasama pelbagai kaum

32. Jabatan Penerangan berusaha menyekat berita palsu selepas peristiwa rusuhan kaum. Apakah usaha tersebut?

- A Menubuhkan jabatan percetakan
- B Menggantung penerbitan akhbar
- C Menutup syarikat percetakan
- D Membentuk pasukan risikan

33. Akta Bahasa Kebangsaan telah digubal di bawah Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia?

Bagaimanakah Bahasa Melayu diperkasa dalam sistem pendidikan?

- A Mengalakkan penglibatan swasta
- B Menubuhkan Universiti Malaya
- C Pembukaan sekolah menengah kebangsaan
- D Penggunaanya dalam semua urusan

34. Gambar berikut menunjukkan logo Dasar 1 Murid 1 Sukan.



Mengapakah dasar tersebut diperkenalkan?

- A Memupuk semangat berpasukan
  - B Memperkasa semangat kenegerian
  - C Memantapkan sistem pendidikan
  - D Membina masyarakat progresif
35. Majlis Perundingan Negara (MAPEN) telah ditubuhkan pada Januari 1970. Apakah kesan daripada pembentukan badan tersebut?
- A Terbentuk Parti Perikatan
  - B Melahirkan Dasar Ekonomi Baru
  - C Mewujudkan Perlembagaan Persekutuan
  - D Penggubalan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah
36. Apakah matlamat penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
- A Menstabilkan harga hasil pertanian
  - B Menggalakkan pelaburan modal asing
  - C Merangsang penglibatan sektor swasta
  - D Meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar
37. Rajah berkaitan dengan bentuk hubungan luar negara selepas mencapai kemerdekaan.

Tunku Abdul Rahman	Tun Abdul Razak Hussein
Anti komunis	X

Apakah X?

- A Bergantung negara serantau
- B Menyokong kuasa besar
- C Mendukung komunisme
- D Bersikap tidak memihak

38. Mengapakah Malaysia menentang pelaksanaan dasar Aparteid di Afrika Selatan?

- A Mengancam keselamatan negara
- B Penyalahgunaan hak asasi manusia
- C Melindungi kepentingan negara maju
- D Pengiktirafan terhadap golongan radikal

39. Gambar berikut merujuk Kepulauan Spratly.



Apakah isu antarangsa yang berkaitan dengan kepulauan tersebut?

- A Penempatan pelarian
- B Pusat aktiviti penganas
- C Perampasan kapal oleh lanun
- D Perebutan kawasan antara negara

40. Antara berikut agensi manakah menguruskan mengenai hak asasi dan pelarian?

- I WHO
  - II UNESCO
  - III SUHAKAM
  - IV UNHCR
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV